

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, November 13, 2018 4:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: OYAGSB Graduation Night 2018 Rai Graduan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

13 NOVEMBER 2018 / 05 RABIULAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

OYAGSB GRADUATION NIGHT 2018 RAI GRADUAN



UUM ONLINE: Graduan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) telah diraikan dalam OYAGSB Graduation Night 2018 sempena Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM di EDC Hotel & Resorts, baru-baru ini.

Dekan OYAGSB, Prof. Dr. Shahizan Hassan mengucapkan tahniah kepada para pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan dan bergraduat dengan jayanya.

"Terima kasih atas komitmen yang diberikan, para graduan mempunyai peluang yang lebih besar untuk mendapat peluang, pekerjaan yang lebih baik dan mempunyai kepakaran profesional dalam bidang masing-masing," katanya.

Graduan OYAGSB terdiri daripada 200 pelajar program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Doktor Falsafah (PhD), Doktor Pengurusan (D.Mgt) dan Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA).

Sementara itu, graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Mageswaran Shanmugam, 30, berkata, dia tidak pernah terlintas untuk menyambung pengajian ke peringkat sekarang berikutan kekangan masa dan komitmen kerja sebagai Pengurus Perniagaan di British Telecommunication (Cawangan Malaysia).

Katanya, dia mendapat galakan untuk mengikuti program peringkat Sarjana selepas bertemu pengurusan OYAGSB yang akhirnya membuka peluang kepadanya untuk melanjutkan pengajian.

“Sepanjang tiga tahun ini, saya terpaksa berulang-alik dari Singapura ke UUMKL dan ini adalah satu pengorbanan besar yang harus saya lakukan walaupun saya jug aperl u bijak membahagikan masa antara kerjaya dan pelajaran.

“Saya juga bersyukur kerana usaha saya menyambung pengajian ini juga berbaloi apabila saya dinaikkan pangkat dan ditempatkan di Bahagian Kewangan,” katanya.

Mageswaran turut mengucapkan terima kasih kepada pensyarah UUM, rakan-rakan terutamanya West Malaysia (WM) serta ibu tercinta, Parvathi A/P Andiappan, 55, yang banyak memberikan suntikan semangat dan sokongan tidak berbelah bahagi.

Menurutnya, UUM adalah platform terbaik untuk membentuk pemimpin yang kreatif, berdikari dan mewujudkan jaringan sosial yang lebih luas.

Tambahnya, menerusi pengajian itu pelajar dapat bertukar-tukar idea berkongsi maklumat serta menimba pengalaman berharga dalam membangunkan pelajar secara holistik dengan memberi pendedahan ke arah pembentukan sikap positif, berdedikasi dan berkeyakinan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.